



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

NOMBOR PLAT “FF” KUTIP HASIL TERTINGGI DALAM SEJARAH EBIDDING

Hari ini, saya ingin mengumumkan bahawa **Nombor Pendaftaran Kenderaan Siri FF** yang dibuka oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia bermula 14 Mei sehingga 19 Mei 2023 telah berjaya merekodkan pembidaan dan kutipan hasil keseluruhan sebanyak **RM34,296,327**.

Hasil siri FF ini juga merupakan **kutipan yang paling tinggi** sejak bidaan nombor pendaftaran kenderaan secara dalam talian melalui Sistem JPJeBid ditawarkan kepada orang awam sejak 15 April 2019.

Berdasarkan kepada rekod bidaan, **FF8** merupakan Nombor Pendaftaran Kenderaan yang telah dibida dengan **harga paling tinggi**, iaitu **RM950,000**. Manakala **FF9** berada ditempat kedua tertinggi dengan harga **RM911,999**. Selanjutnya, **FF3** dengan nilai **RM639,000**, **FF2** dengan nilai **RM638,000** dan **FF7** dengan nilai **RM633,000**.

Siri FF ini juga telah menunjukkan sambutan yang luar biasa daripada pembida-pembida. Jumlah penyertaan keseluruhan pembida siri ini adalah seramai **34,032 orang** dan sebanyak **8,348 pembida** telah berjaya memenangi nombor pendaftaran masing-masing. Jumlah penglibatan

pembida dan pemenang bagi siri FF ini juga merekodkan penyertaan tertinggi sejak aplikasi atas talian JPJeBid dilancarkan.

Lima nombor yang mendapat minat yang paling tinggi adalah **FF199** dengan seramai **34 orang pembida**, **FF51** seramai **32 pembida** dan seterusnya **FF155**, **FF555** dan **FF1688** dengan masing-masing sebanyak **29 orang pembida**.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada para pemenang dan terima kasih kepada semua pengguna yang mendapatkan nombor pendaftaran kenderaan pilihan masing-masing melalui aplikasi JPJeBid.

Pembidaan nombor plat melalui aplikasi JPJeBid secara atas talian adalah suatu manifestasi jelas terhadap usaha JPJ untuk menyediakan perkhidmatan secara digital kepada seluruh rakyat selaras dengan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025.

JPJ akan terus berusaha untuk memperluaskan dan memantapkan perkhidmatan digital untuk menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

Orang awam yang belum memiliki akaun JPJeID boleh melakukan pendaftaran akaun pengguna melalui perkhidmatan digital di Portal Awam MySIKAP JPJ dan Aplikasi MyJPJ.

YB LOKE SIEW FOOK
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

22 MEI 2023

[TAMAT]

LAMPIRAN

10 TERTINGGI		
Digit	Jumlah Pembida	Harga Bidaan Tertinggi
FF8	8	RM950,000.00
FF9	18	RM911,999.00
FF3	5	RM639,000.00
FF2	8	RM638,000.00
FF7	9	RM633,000.00
FF88	15	RM510,000.00
FF11	17	RM500,000.00
FF99	28	RM410,000.00
FF66	6	RM350,000.00
FF33	6	RM335,555.00

5 NOMBOR PALING BANYAK DIBIDA		
Digit	Jumlah Pembida	Harga Bidaan Tertinggi
FF199	34	RM19,200.00
FF51	32	RM55,510.00
FF155	29	RM21,500.00
FF555	29	RM110,000.00
FF1688	29	RM16,268.00